

## SOALAN-SOALAN LISAN

### **MESYUARAT KETIGA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

### **PERSIDANGAN KETIGA 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

---

#### **1. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

Sejauh manakah langkah mitigasi dan keperihatinan pihak kerajaan mengenai isu alam sekitar khususnya melibatkan hutan simpan yang telah dinyahwarta seperti di Hutan Simpan Segari Melintang serta mana-mana hutan yang berada di kawasan sensitif alam sekitar yang perlu kepada perlindungan agar ekosistem flora dan fauna tidak terganggu dan terancam?

#### **2. YB ENCIK AZMAN BIN NOH ( PENGKALAN BAHARU )**

Isu pembuangan sampah haram sering berlaku yang boleh mengundang kepada masalah kesihatan dan keselamatan.

Soalan saya:

1. Apakah usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menangani isu pembuangan sampah haram?
2. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah bilangan kampung bagi pelaksanaan kutipan sampah di luar kawasan PBT?

#### **3. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA ( KUBU GAJAH )**

Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Woo Kah Leong (Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina) semasa Persidangan Mesyuarat Pertama Tahun Kedua Dewan Negeri ke-15 Perak yang lepas, akan mengambil maklum cadangan dan saranan para Ahli Yang Berhormat untuk memperkasakan usaha menjalankan Jualan Rahmah ke seluruh kawasan negeri Perak.

- a) Berapakah jumlah pelaksanaan Program Jualan Rahmah setakat ini?
- b) Berapakah purata beras tempatan yang terjual setiap kali Jualan Rahmah diadakan dan berapakah harga bagi setiap 5kg dan 10kg kampit beras?
- c) Mengapakah beras tempatan tidak disalurkan atau dijual kepada peruncit tempatan seperti sebelum ini?

#### **4. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Pelancongan

- a) Prestasi sektor Pelancongan sepanjang tahun berbanding dengan tahun sebelum sempena Tahun Melawat Perak bertambah baik atau tidak?
- b) Apakah perancangan sektor pelancongan untuk tahun 2025?

**5. YB ENCIK AHMAD BIN MAN ( KUALA SEPETANG )**

Minta nyatakan apakah perkembangan projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi isu banjir di negeri Perak khususnya di dun Kuala Sepetang?

**6. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

Adakah Kerajaan Negeri Perak melakukan apa-apa jenis aktiviti publisti bagi memupuk semangat perpaduan kaum atau memupuk kesedaran tentang integrasi perkauman di bawah Negeri Perak?

**7. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ ( KAMUNTING )**

Berdasarkan laporan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) yang menjangkakan kemarau melampau melanda Semenanjung selama 10 tahun mulai 2025 hingga 2035.

1. Apakah persediaan pihak kerajaan untuk menghadapi krisis makanan yang dasyat ekoran perubahan iklim ekstrem ini?
2. Apakah langkah pihak kerajaan untuk mengekalkan sumber air di Perak dalam menghadapi cabaran perubahan iklim?

**8. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA ( PANGKOR )**

Berapakah kadar penceraian di negeri ini terutamanya melibatkan pasangan beragama Islam khususnya pasangan muda. Adakah ia sesuatu yang membimbangkan?

**9. YB ENCIK ONG SENG GUAN ( POKOK ASSAM )**

MPT telah mengambil langkah initiatif yang sangat baik untuk menganjurkan Program Hindari Penggunaan Polisterina dan Plastik Sekali Guna baru-baru ini.

- a) Apakah cabaran utama yang dihadapi dalam usaha ini?
- b) Apakah langkah yang akan diteruskan oleh PBT khususnya MPT untuk memastikan kempen ini akan berjaya?
- c) Bagaimana pula pihak PBT menguruskan pembuangan bahan-bahan tersebut untuk mengurangkan pencemaran?

**10. YB KAPT (B) DATO' HAJI MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS ( BATU KURAU )**

Ingin mendapat penjelasan daripada YAB Menteri Besar mengenai masalah penyelesaian yang terbaik pihak Kerajaan Negeri bagi mengelakkan banjir di Kg Ulu Sepetang Batu Kurau?

## **11. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Sila nyatakan status terkini pihak Kerajaan Negeri atas menerima pakai keseluruhan pindaan dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) yang telah dilulus dan diwarta di peringkat Persekutuan pada September 2023 serta proses penyahwartaan 548.1 hektar Hutan Simpanan Kekal Segari Melintang.

## **12. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

- a) Nyatakan jumlah kluasan padang ragut yang diselia oleh Jabatan Veterinar di seluruh Negeri Perak.
- b) Berapakah kluasan padang ragut seliaan Jabatan Veterinar yang terdapat di Daerah Manjung?

## **13. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Tentang Tahun Melawat PERAK 2024

- i. Apakah kejayaan yang nyata dan membanggakan telah dicapai setakat ini?
- ii. Apakah cabaran, kekangan dan halangan yang dihadapi oleh pihak kerajaan negeri?
- iii. Sila jelaskan apakah mercu tanda *landmark* baru yang telah diwujudkan, dibina dan dijalankan demi Tahun Melawat Perak 2024?

## **14. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Hutan Simpan Kekal Segari Melintang di Teluk Mengkudu dan Air terjun Tanjung Batu Manjung seluas 548 hektar telah dimansuhkan bagi tujuan projek kuari pada Mei lalu. Pemansuhan ini boleh memberi impak kepada kualiti alam sekitar dan boleh menjadikan sosioekonomi terutama para nelayan. Adakah kerajaan telah menjalankan penyelidikan terperinci tentang masalah ini? Di manakah kawasan gantian bagi Hutan Simpan kekal tersebut?

## **15. YB PUAN KOO HAI YEN ( KERANJI )**

Duta Pelancongan Perak

1. Tourism Perak sebelum ini mengumumkan keinginan untuk bekerjasama dengan anak kelahiran negeri Perak yang memenangi kategori Pelakon Wanita Terbaik di Anugerah Oscars ke-95 untuk mempromosikan pelancongan di Perak,
  - a) Adakah Tourism Perak berhasrat untuk melantik beliau untuk menjadi duta pelancongan Negeri Perak?
  - b) Tahun melawat Perak 2024 sudah hampir berakhir, mengapakah tiada usaha untuk melantik mana-mana duta pelancongan untuk mempromosikan pelancongan di Perak?

**16. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mewujudkan kesatuan masyarakat yang pelbagai kaum, dan mengurangkan pergeseran atau perpecahan, khususnya di negeri Perak?

**17. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

Enakmen Perladangan Unggas 2005 telahpun dipinda pada tahun 2023.

1. Berapakah kompaun yang telah dikeluarkan berkenaan gangguan lalat di Daerah Manjung pada tahun 2024 dan secara terperincinya manakah syarikat perladangan yang terlibat, kesalahan dan jumlah kompaun tersebut?

2. Berapakah kes yang melibatkan gangguan lalat yang telah didakwa di Mahkamah sejak pindaan Enakmen tersebut dan apakah hukuman terhadap kesalahan tersebut?

3. Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani masalah gangguan lalat?

**18. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Berdasarkan banjir pada Oktober 2024 yang lalu, apakah penilaian pihak kerajaan terhadap keberkesanan projek Rancangan Tebatan Banjir Kampong Gajah Fasa 1?

Bilakah kerja projek Rancangan Tebatan Banjir Kampong Gajah Fasa 2 dijalankan dan kawasan yang terlibat?

**19. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN ( BUNTONG )**

Usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup serta meningkatkan kualiti hidup rakyat dapat dilihat melalui program-program yang dijalankan oleh KPDN Perak. Minta kerajaan negeri menyenaraikan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan serta sasaran-sasaran yang telah dicapai oleh KPDN Perak sepanjang tahun 2024 terutama melalui program Jualan Rahmah dan Menu Rahmah. Apakah jumlah peruntukan yang disalurkan daripada kerajaan persekutuan dan bagaimanakah peruntukan ini telahpun dimanfaatkan oleh rakyat negeri Perak sepanjang tahun 2024.

**20. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Mohon dinyatakan statistik penceraian bagi rakyat negeri Perak dalam tahun 2023 dan 2024 yang beragama Islam dan bukan beragama Islam.

## **21. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Bencana Alam.

- a) Apakah jenis sumbangan/bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa kebakaran dan banjir?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan sumbangan bencana kebakaran dan banjir kepada mangsa?
- c) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menyediakan pakej pampasan bagi individu/keluarga/syarikat/peniaga yang terkesan dengan banjir kilat yang berulang?

## **22. YB ENCIK NGA KOR MING ( KEPAYANG )**

Alam Sekitar

- a. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan struktur tanah adalah selamat dan stabil agar tidak berlakunya insiden lubang benam seperti di Masjid India?
- b. Sila nyatakan bilangan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam negeri Perak yang telah mengambil bahagian dalam “Kempen Tanpa Beg Plastik” dan keberkesanannya dalam mengurangkan sampah.